

Silat Kebangsaan

Shahairudin tewaskan Khusairi

15 FEB 1990 B. Harian (M)

PEMENANG pingat emas kelas C Sukan SEA XV lalu, Ahmad Khusairi Ibrahim tewas kepada pesilat dari Kelantan, Shahairudin Mohd Noor pada separuh akhir kelas itu di Kejarian Silat Kebangsaan di Dewan Sivik, Petaling Jaya, semalam, tapor Shahairudin Kamli.

Shahairudin, 24, kali pertama layak ke peringkat akhir di gelanggang yang sama esok, berhempsah pulas menundukkan Khusairi pada pusingan ketiga.

Peserta Kelantan itu berdarah di bahagian mukanya apabila Khusairi bermain kasar dengan menghantuk kepala.

Khusairi terpaksa akur kepada kesungguhan pesilat Kelantan itu yang turut memperkenan permainan kasar.

KEPUTUSAN: Separuh Akhir Lelaki: Kelas A - Basri Abdul Rahman (Kel) mn Rusau Mohd Sari (GF), Sharudin Kamarudin (NS) mn Yusni Arshad (Ps).

Kelas B - Mohd Rafee (GM) mn Azmi Nong

(Ter), Ahmad Wardi Salim (Mk) mn Abdul Apit Jamangin (NS).

Kelas C - Shahairudin Mohd Nor (Kel) mn Abdul Khusairi Ibrahim (Sel); Mohd Khairi Abdul Rahman (GM) mn Mohd Fauzi Mansor (Phg).

Kelas E - Mohd Nasir Sanusi (Joh) mn Faiz (Pk); Kelas F Azam Haji Abas (Kel) mn Zakaria (WP); Kelas G - Nasri Samah (Lincah) mn Mohd Hanafiah Ismail (GF).

Kelas I - Mazlan Shaari (GF) mn Rosli Ahmad (NS).

11 pesilat negara kalah

16 FEB 1990

B. Harian (M)

Oleh RAHIME YUSOF

PESILAT terbaik dunia, Wan Aminuddin Bakri Abu Bakar, adalah antara 11 pesilat negara yang kecundang pada separuh akhir Kejuaraan Silat Kebangsaan di Dewan Sivik Petaling Jaya, semalam.

Manakala 10 lagi pesilat kebangsaan yang kalah ialah Ahmad Khusairi Ibrahim (Selangor), Zakri Ibrahim, Normala Yaacob (Gayong Malaysia), Azmi Maaf, Zulfakar Majid (Johor), Mohd Zain Yaacob, Wan Amizah Wan Ahmad (Kelantan), Razak Ismail (Terengganu), Azam Mukhtar (Gayong Fatani) dan Nor Anifah Abdul Rani (Negeri Sembilan).

Bagaimanapun kekalahan mengejut Wan Aminuddin (Selangor) di tangan muka baru, Hadi Hassan (Melaka)

mengejutkan hingga ada dakwaan bahawa lawannya menggunakan ilmu kebatian.

Bagi Melaka, Hadi disifatkan Hang Tuah moden kerana sebelum ini dia tidak diberi harapan langsung tetapi sebaliknya, kepintaran Hadi menguasai gelanggang membuat Wan Aminuddin hilang punca.

Ketinggian Wan Aminuddin memerlukan dirinya sendiri.

Hadi menggunakan taktik menyergap jarak dekat, menyebabkan lawannya gagal melepaskan tendangan pemusnah sejak lima tahun menjuarai Kelas G kebangsaan.

"Saya terima kekalahan ini. Hadi pesilat yang baik. Lagipun, seawalnya saya tidak membuat persiapan cukup kali ini," kata Wan Aminuddin.

Berkat doa ibu

17 FEB 1990

B. Harian (M)

Oleh RAHIME YUSOF

JUARA Kelas B Dunia, Ahmad Wardi Salim dari Melaka mengekalkan kejuaraan kali kelima berturut-turut pada Kejuaraan Silat Kebangsaan di Dewan Sivik Petaling Jaya semalam.

Wardi menyingkirkan juara Kelas A, Rafee Yaacob dari Gayong Malaysia yang turun untuk merebut mahkota pesilat Melaka itu.

Berkat doa ibu di tepi gelanggang, Wardi menguasai pusingan ketiga selepas serangan kilat dengan keutuhan tendangan kaki kanan dan kiri tepat ke dada dan rusuk Rafee.

Sementara itu Selangor meraih dua gelaran - Piala Penglima dan Piala Pesaka - bagi mempertahankan merauhat buat kali kelima berturut-turut. Pasukan tuan rumah itu meraih Piala Pesaka bagi juara keseluruhan silat olahraga setelah meraih lima pingat emas. Tempat kedua disandang oleh Gayong Fatani dengan tiga pingat emas dan ketiga Negeri Sembilan mengutip dua pingat emas. Melaka juga turut memenangi dua pingat emas, manakala Kelantan, Gayong Malaysia dan Kuala Lumpur masing-masing mengutip satu pingat emas.

Selangor juga diisyithar sebagai juara keseluruhan acara silat seni dan

jurulat olahraga bagi menerima Piala Penglima dari Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhamad Haji Muhd Taib yang menutup kejuaraan kali ke-11 itu.

Manakala Johor menerima Piala Laksamana setelah menjuarai acara silat seni tempat kedua Gayong Fatani dan ketiga Selangor.

KEPUTUSAN: Akhir Lelaki: Kelas A - Sharudin Kamaruddin (NS) mn Basri Abdul Rahman (Kel); Kelas B - Ahmad Wardi Salim (Meli) mn Mohd Rafee Yaacob (GM); Kelas C - Khairi Abdul Rahman (GM) mn Sharuddin Noor (Kel); Kelas D - Mohd Dini Manap (KL) mn Faisal Noor (GF); Kelas E - Wan Adnan Wan Isa (Kel) mn Nasir Sainusi (Joh); Kelas F - Ruzaidi Abdul Rahman (Sel) mn Shaari Mohamad (NS); Kelas G - Hadi Hassan (Meli) mn Nazri Samah (Lincah); Kelas H - Zakaria Hamzah (GF) mn Azam Haji Abbas (Kel); Kelas I - Mazlan Shaari (GF) mn Izan Ismail (Sel); Kelas Bebas - Zainal Amat (Sel) mn Afendi Mahmod (Kel).

Akhir Wanita: Kelas A - Nazrah Latiff (Sel) mn Hadilah Hassan (Meli); Kelas B - Mazliza Abu Bakar (GF) mn Azharah Hussin (GM); Kelas C - Rohana Manaf (Sel) mn Afijah Haji Fadill (NS); Kelas D - Hamidah Mahat (NS) mn Anum Adnan (Lincah); Kelas E - Zaleha Suradi (Sel) mn Nur Hasnah Akir (Phg).